

Risaukan RM30 bilion DEIG bukan sekadar RM2.6 bilion, kata menteri Umno

The Malaysian Insider

August 21, 2015

Oleh Hasbullah Awang Chik

Pemimpin pembangkang seharusnya berlaku adil dalam melemparkan kritikan kerana isu RM30 bilion di bawah Kumpulan Pelaburan Darul Ehsan (DEIG) lebih besar berbanding dana RM2.6 bilion yang dimasukkan ke dalam akaun tertentu, kata Datuk Abdul Rahman Dahlan.

Menteri kesejahteraan bandar, perumahan dan kerajaan tempatan itu berkata pemimpin pembangkang seharusnya lebih berasa bimbang dalam isu DEIG kerana banyak persoalan yang masih belum dijawab oleh Menteri Besar Selangor Mohamed Azmin Ali.

"Saya melihat pemimpin pusat pembangkang itu sendiri tidak sangat seimbang. Kalau RM2.6 bilion seolah-olah esok kiamat respon daripada mereka.

"Kemungkinan RM30 bilion aset GLC diletak dalam sebuah syarikat yang hanya mempunyai RM2 modal berbayar, itu sepatutnya menjadi kerisauan kepada mereka juga," katanya pada satu sidang media di Petaling Jaya hari ini.

Rahman berkata pelbagai persoalan yang diajukan kepada pemimpin kerajaan negeri berhubung DEIG semasa sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) masih belum terjawab.

Katanya, disebabkan itu banyak rasa tidak puas hati timbul di kalangan pemimpin parti pembangkang dan kerajaan.

"Banyak sangat persoalan yang diajukan tidak mendapat penjelasan menteri besar Selangor. Jumlahnya agak besar RM30 bilion. Jauh lebih besar daripada RM2.6 bilion itu.

"Kalau saya melihat ada banyak persoalan bagaimana 2 syarikat mempunyai kuasa mengurus aset melebihi RM30 bilion oleh GLC kerajaan negeri Selangor dan tidak ada mekanisme syarikat ini memberi makluman kepada DUN," katanya.

DUN Selangor pada Rabu mendengar pembentangan usul daripada Adun Hulu Kelang Saari Sungib yang mencadangkan supaya operasi DEIG ditangguhkan.

Saari ketika membentangkan usul itu berkata, operasi syarikat "pengurusan risiko" pelaburan negeri itu perlu ditangguhkan selama 6 bulan sehingga kertas putih mengenainya dibentangkan dalam Dewan.

Wakil rakyat PAS itu berkata, kertas putih berkenaan harus menerangkan mengenai keperluan diwujudkan syarikat yang ditubuhkan Azmin.

Pada masa sama, katanya, segala pelaburan strategi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) harus diteruskan di bawah Pemerdagangan Menteri Besar (MBI).

"Kami mahukan ketelusan dan kebertanggungjawaban. Kebimbangan kami DEIG ditubuhkan orang yang sama menerajui MBI dan dipengerusikan menteri besar.

"Kita bimbang elemen semak dan seimbang itu tidak mencukupi," katanya kepada pemberita.

Katanya, kebimbangan itu turut dinyatakan majoriti Adun.

DUN pada Rabu meluluskan penyata itu supaya isu DEIG dibentangkan dalam sidang depan pada November, berserta kertas putih yang akan disediakan menteri besar. – 21Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/risaukan-rm30-bilion-deig-bukan-sekadar-rm2.6-bilion-kata-menteri-umno>